

Wakil rakyat perlu 'diajar' ilmu integriti, bersopan ketika berbahas

- Kecocohan sering berlaku ketika sidang Parlimen memberi petanda konsep pendidikan berterusan perlu diberikan kepada ahli Parlimen atau wakil rakyat bagi memastikan integriti dan profesionalisme dapat dikekalkan
- Pendidikan ini menyentuh mengenai tatasusila dan tingkah laku, termasuk perkataan yang sesuai dan tidak sesuai digunakan ketika sidang Parlimen



Oleh Prof Madya Dr Halimah Abdul Manaf
bhrencana@bh.com.my

Sesi penggulungan perbahasan usul Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi Kementerian Kewangan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bulan lalu dikatakan sebagai 'hari hitam' bagi Parlimen Malaysia seperti dilaporkan media massa.

Isa susulan kecocohan yang berlaku ketika penggulungan perbahasan dan menyaksikan seorang ahli Parlimen pembangkang diarah keluar oleh Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, yang menyaksikan wakil rakyat blok pembangkang turut keluar dewan sebagai tanda protes.

Tanpa prejudis, hakikatnya kecocohan ketika sidang Parlimen itu bukan kali pertama berlaku, sama ada membabitkan ahli Parlimen pembangkang atau kerajaan, sekali gus memberi petanda konsep pendidikan berterusan perlu diberikan kepada ahli Parlimen bagi memastikan integriti dan profesionalisme dapat dikekalkan.

Bermakna, pendidikan berkaitan integriti dan demokrasi dikenali sebagai Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) bukan hanya perlu diperkenalkan sebagai kursus kepada pelajar institusi pengajian tinggi (IPT), tetapi perlu diperluaskan kepada ahli Parlimen atau wakil rakyat.

Pengundi di kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) mengharapkan wakil rakyat dipilih mempunyai tahap integriti tinggi dengan mengamalkan profesionalisme untuk memastikan hala tuju dan visi mensejahterakan masyarakat dapat dicapai di kawasan mereka dan negara.

Seperti pelajar IPT perlu mengambil kursus itu

pada semester pertama pengajian selepas diterima masuk ke universiti, maka konsep sama juga boleh dilaksanakan kepada ahli Parlimen dan wakil rakyat. Selepas ahli Parlimen mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan ikrar mereka akan taat menjalankan tugas dengan baik serta mematuhi dan mempertahankan Perlembagaan, maka pendidikan berkaitan integriti dan demokrasi boleh diberikan kepada mereka.

Pendidikan ini menyentuh mengenai tatasusila dan tingkah laku, termasuk perkataan yang sesuai dan tidak sesuai untuk digunakan ketika sidang Parlimen. Ia termasuk persediaan perlu dibuat ahli Parlimen, terutama berkaitan dengan keperluan data, statistik atau maklumat lengkap hasil daripada penyelidikan dijalankan bagi menyokong hujah atau cadangan ketika perbahasan dalam dewan.

Data, statistik dan maklumat itu menjadi asas kepada sesuatu cadangan dibuat secara konkrit, telus serta lebih bermakna dalam menjelaskan sesuatu perkara.

Pendidikan ini juga boleh memasukkan prinsip hormat dan nilai murni perlu dimasukkan Yang di-Pertua Dewan Rakyat bagi mendapatkan kepelbagaian pandangan berkualiti daripada ahli Parlimen.

Latar belakang pendidikan berbeza

Kemuliaan Parlimen dapat ditunjukkan dengan sikap saling menghormati dan mengikuti arahan serta keputusan dibuat Yang di-Pertua. Prinsip demokrasi ini perlu difahami dan diamalkan semua ahli Parlimen bagi membolehkan proses dan hasil penghujahan berkualiti.

Memandangkan tiada syarat khusus berkaitan kelayakan akademik, ia menyebabkan ahli Parlimen dipilih mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan berbeza dan sebahagiannya tidak mempunyai asas pengetahuan yang cukup mengenai nilai integriti dan sistem demokrasi, bidang kuasa tiga peringkat kerajaan iaitu Persekutuan, negeri, ke-

rajaan tempatan dan kuasa bersama.

Pendidikan ini turut mencakupi kefahaman berkaitan dengan konsep kekebalan ahli Parlimen, memandangkan mereka yang dilantik berusia 21 tahun ke atas dianggap sebagai matang berpolitik dan rasional bertindak.

Pendidikan ini bagi mengelak salah guna kekebalan di Parlimen untuk kepentingan peribadi, namun sebaliknya Parlimen perlu digunakan sebagai platform mengutarakan permasalahan, dasar dan isu rakyat serta negara.

Mungkin boleh menggunakan konsep kajian kes dengan menayangkan semula video tingkah laku dan perkataan digunakan ahli Parlimen ketika sidang lalu berlangsung untuk memberi kesedaran dan mengelak menunjukkan tingkah laku dan perkataan mencemar Dewan Rakyat.

Melihat kepada perbahasan di luar negara seperti di United Kingdom, jelas ia memperlihatkan ketajaman perbahasan ahli Parlimen Britain secara profesional.

Perbahasan dimulakan dengan memberi latar belakang atau senario isu, diterokai secara mendalam disokong dengan data dan statistik sebelum diakhiri dengan cadangan dan sokongan bersandarkan asas penghujahan. Ia memberikan gambaran sifat dan contoh tingkah laku patut diamalkan ahli Parlimen ketika berbahas di Parlimen.

Fungsi dan peranan persidangan Parlimen perlu dilaksanakan dengan sewajarnya bagi membolehkan masa diperuntukkan dengan dibahaskan secara profesional disertakan dengan hujah konkrit.

Sebenarnya, banyak isu rakyat boleh diperhalusi dalam Parlimen membabitkan pelbagai aspek kehidupan, termasuk soal ekonomi berkaitan seperti kenaikan kos sara hidup, isu keterjaminan makanan, pengangguran dan pelbagai lagi.

Kepelbagaian cabaran kehidupan ini turut menyumbang kepada kesihatan mental dalam kalangan masyarakat seperti dinyatakan Kementerian Kesihatan (KKM) baru-baru ini apabila kes meningkat hampir tiga kali ganda dalam kalangan penduduk berusia 16 tahun ke atas.

Permasalahan rakyat seperti ini sepatutnya diutuskan ahli Parlimen dan dibahaskan secara mendalam bagi membolehkan kepentingan rakyat dan negara diutamakan.

Oleh itu, menerusi pendidikan tata susila dan tingkah laku sewajarnya, ia antara kaedah patut diamalkan untuk melahirkan ahli Parlimen yang berupaya berhujah, berdebat dan berbahas sesuatu dasar atau program yang sesuai untuk menyelesaikan permasalahan rakyat berteraskan fakta tepat, beradab, berakhlak dan menggunakan kata-kata sopan.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

